YEK HOCK SOON

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
AZMAN ABDULLAH H
[RAYUAN JENAYAH NO: MT42H(A)-6-1-2012]
19 FEBRUARI 2013

ACARA JENAYAH: *Hukuman - Rayuan terhadap hukuman - Rayuan daripada Mahkamah Sesyen - Sabitan atas dua kesalahan merogol dan menggunakan kekerasan dengan niat hendak mencabul kehormatan - Tertuduh seorang guru dan mangsa anak murid bawah umur - Hukuman sembilan tahun penjara dan lima kali sebatan bagi pertuduhan pertama dan tiga tahun penjara dan dua kali sebatan untuk pertuduhan kedua - Sama ada berpatutan dan wajar dikekalkan - Prinsip dalam menjatuhkan hukuman - Kanun Keseksaan, ss. 354, 376*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rogol - Rogol statutori - Tertuduh seorang guru dan mangsa anak murid bawah umur - Sabitan atas dua kesalahan merogol dan menggunakan kekerasan dengan niat hendak mencabul kehormatan - Sama ada sabitan selamat - Sama ada hukuman berpatutan dan wajar dikekalkan - Kanun Keseksaan, ss. 354, 376*

Di Mahkamah Sesyen, perayu ('tertuduh'), seorang guru sekolah telah dituduh dengan dua kesalahan di bawah Kanun Keseksaan iaitu (i) merogol di bawah s. 376 ('pertuduhan pertama'); dan (ii) menggunakan kekerasan dengan niat hendak mencabul kehormatan seorang mangsa bawah umur di bawah s. 354 ('pertuduhan kedua'). Menurut mangsa iaitu anak murid tertuduh yang ketika itu berumur 12 tahun tiga bulan, kejadian rogol dan cabul kedua-duanya berlaku di makmal sains sekolah. Kejadian ini terbongkar apabila seorang lagi mangsa rogol yang lain memberitahu guru kelas bahawa mangsa dan seorang lagi turut sama dicabul oleh tertuduh. Pemeriksaan perubatan yang dijalankan ke atas mangsa menunjukkan bahawa terdapat koyakan lama pada bahagian kemaluannya yang kemungkinan disebabkan oleh zakar atau jari, terjatuh atau penggunaan *tampon*. Yakin bahawa pembelaan tertuduh gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pihak pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mensabitkan tertuduh atas kedua-dua pertuduhan dan menjatuhkan hukuman

A sembilan tahun penjara dan lima kali sebatan bagi pertuduhan pertama dan tiga tahun penjara dan dua kali sebatan untuk pertuduhan kedua. Tidak berpuas hati, tertuduh merayu terhadap sabitan dan hukuman. Sebaliknya, pihak pendakwaan memfailkan rayuan balas bagi hukuman-hukuman yang dijatuhkan dalam kedua-
B dua pertuduhan.

Diputuskan (menolak rayuan dan rayuan balas):

(1) Keputusan mensabitkan tertuduh bersalah atas kedua-dua pertuduhan oleh HMS selamat dikekalkan. HMS secara betul
C dan tepat telah meneliti pembelaan tertuduh dan memutuskan bahawa tertuduh gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. (perenggan 21)

(2) Undang-undang melindungi perempuan berumur di bawah
D 16 tahun daripada diambil kesempatan melakukan persetubuhan ke atas mereka atas alasan bahawa mereka ini adalah pada umur yang kurang matang dan senang ditipu daya. Apa yang dilakukan oleh tertuduh adalah lebih serius daripada seorang teman lelaki merogol teman wanita di bawah umur. Tertuduh
E mengetahui peranannya sebagai pendidik tetapi telah menyalahgunakan kedudukan dan pengaruhnya sebagai orang yang dihormati dan ditakuti oleh anak murid dan kepercayaan serta amanah oleh ibu bapa. (perenggan 30 & 31)

F **(3)** Hukuman yang dijatuhkan iaitu sembilan tahun penjara dan lima kali sebatan bagi pertuduhan pertama dan tiga tahun penjara dan dua kali sebatan untuk pertuduhan kedua jika dibandingkan dengan hukuman minima lima tahun dan maksima 30 tahun di bawah s. 376 dan maksima sepuluh tahun dengan
G sebat atau denda di bawah s. 354 adalah ternyata tidak terlampau berat dan oleh itu, dikekalkan bagi kedua-dua pertuduhan. Setiap hukuman hendaklah berbentuk pengajaran dan mendatangkan rasa takut kepada masyarakat. Hukuman yang sekadar gigitan semut akan mengakibatkan masyarakat
H menganggap kesalahan rogol sebagai tidak serius dan sudah tentu akan lebih parah lagi terutamanya kesalahan rogol oleh guru terhadap murid semakin kerap berlaku. (perenggan 29 & 32)

I

(4) Rayuan balas oleh pihak pendakwaan ke atas hukuman ditolak memandangkan hukuman yang dijatuhkan bukannya terlalu ringan dengan mengambil kira bahawa tertuduh akan kehilangan pekerjaannya dan akan berada di dalam penjara dengan tujuh sebatan rotan. Ia akan memberi kesan yang besar ke atas tertuduh untuk selama-lamanya. (perenggan 33)

Kes-kes yang dirujuk:
Azahan Mohd Aminallah v. PP [2005] 1 CLJ 374 CA ***(dirujuk)***
Boardman v. Director of Public Prosecutions [1975] 3 AC 421 ***(dirujuk)***
Makin v. AG for New South Wales [1894] AC 57 ***(dirujuk)***
Mohd Darwish Saleh v. PP [2010] 1 LNS 127 HC ***(dirujuk)***
Nor Alip Mohd Khandar lwn. PP [2012] 5 CLJ 669 CA ***(dirujuk)***
Regina v. W N Hammar [1957] 1 LNS 77 HC ***(dirujuk)***
Sidek Ludan v. PP [1995] 1 LNS 219 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, ss. 14, 15, 132, 146
Penal Code, ss. 354, 376(2)

Bagi pihak perayu - Shukri Mohamad; T/n Wan Haron, Shukri & Nordin
Bagi pihak responden - Wan Azimah W Yaakop; TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Azman Abdullah H:

Latar Belakang Kes

[1] Perayu/tertuduh di dalam kes ini telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan ('KK') untuk pertuduhan pertama dan s. 354 KK. Puan HMS telah mensabitkan kesalahan dengan kedua-dua pertuduhan tersebut dan telah dihukum dengan sembilan tahun penjara dan lima sebatan untuk pertuduhan pertama, tiga tahun dan dua sebatan untuk pertuduhan kedua.

[2] Pihak tertuduh telah tidak berpuas hati di atas sabitan dan hukuman untuk kedua-dua pertuduhan dan telah failkan notis dan petisyen rayuan. Manakala pihak pendakwaan telah tidak berpuas hati ke atas hukuman untuk kedua-dua pertuduhan dan telah

memfailkan rayuan balas. Mahkamah Tinggi ini telah mendengar rayuan oleh kedua-dua pihak dan telah menolak rayuan ke atas sabitan dan hukuman untuk kedua-dua pertuduhan. Dengan itu sabitan dan hukuman oleh Puan HMS adalah dikekalkan.

[3] Pertuduhan-Pertuduhan

Tuduhan Pertama:

> Bahawa kamu pada awal bulan Ogos 2009 antara jam lebih kurang 8.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Makmal Sains Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kai Chih, di dalam daerah Pasir Puteh, di dalam Negeri Kelantan telah merogol xxx (No. KPT: xxx) yang berumur 12 tahun 3 bulan tanpa kerelaannya. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(2) Kanun Keseksaan.

Tuduhan Kedua:

> Bahawa kamu pada awal bulan 17/8/2009 jam lebih kurang 12.15 tengahari di makmal sains Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kai Chih, di dalam Daerah Pasir Puteh, di dalam Negeri Kelantan telah melakukan kekerasan jenayah terhadap seorang perempuan nama xxx (No. KPT: xxx) berumur 12 tahun 3 bulan dengan niat hendak mencabul kehormatannya. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan.

[4] Fakta Kes Pendakwaan

Pertuduhan Pertama

(a) Pihak pendakwaan telah memanggil seramai sembilan orang saksi bagi membuktikan kes *'prima facie'* untuk kedua-dua pertuduhan. Saksi yang penting ialah mangsa SP7, SP4 ibu mangsa, SP5 guru mangsa, SP8 pegawai perubatan yang memeriksa mangsa.

(b) Mangsa SP7 memberi keterangan dalam tahun 2009 semasa beliau dalam tahun enam, beliau bersekolah di Sek Jenis Kebangsaan (C) Kai Chih, tertuduh mengajar mangsa dalam pelajaran sains. Mengikut mangsa beliau dicabul dan dirogol oleh tertuduh di bilik makmal sekolah tersebut.

(c) Menurut mangsa kejadian rogol berlaku dalam bulan Ogos 2009, tarikh sebenar lupa, mengikut mangsa ada seorang murid datang ke kelasnya dan memberitahu bahawa tertuduh panggil mangsa ke makmal sains waktu tersebut jam 12.45 tengah hari. Mangsa telah ke makmal tersebut dengan ditemani oleh rakannya SP3. Selepas itu tertuduh telah arahkan SP3 balik ke kelas dan tertuduh menutup pintu makmal dan hanya mereka berdua sahaja di bilik makmal tersebut.

(d) Tertuduh telah memegang buah dada mangsa dan mencium mulut mangsa. Tertuduh telah mengajak mangsa melakukan hubungan seks tetapi mangsa menolak. Selepas itu tertuduh telah menunjukkan gambar lucah di dalam handphonenya tetapi mangsa tidak melihatnya.

(e) Tetuduh kemudiannya telah mengangkat mangsa dan baringkan mangsa di atas meja. Tertuduh telah tanggalkan seluar trek mangsa sepenuhnya dan seluar dalam mangsa hanya setakat kaki. Menurut mangsa pada hari itu beliau memakai skirt dan di dalamnya seluar trek dan berseluar dalam. Semasa itu kaki mangsa terjuntai dan selepas itu mangsa kedengaran tertuduh membuka zip seluarnya dan bila tertuduh cuba bangun dia angkat kakinya ke meja dan agak terkangkang dan tiba-tiba dirasakan ada benda keras masuk dalam kemaluan mangsa. Pada masa itu tertuduh berada dihujung meja di antara kaki mangsa. Mangsa merasa sakit semasa kemaluan tertuduh masuk ke dalam kemaluannya.

(f) Selepas itu mangsa hendak bangun dan memakai pakaiannya dan meminta tertuduh menoleh ke belakang. Selepas mangsa pakai pakaiannya dan balik ke kelasnya dan tertuduh pesan jangan diberitahu sesiapa.

Pertuduhan Kedua

(a) Mengikut keterangan mangsa kejadian cabul berlaku banyak kali oleh tertuduh terhadap mangsa pada tahun 2009 dan kejadian terakhir adalah pada 17 Ogos 2009 (P4-Laporan Polis). Perbuatan cabul yang dilakukan oleh tertuduh ialah meraba bahagian buah dada, punggung dan mencium bahagian pipi dan mulut mangsa.

A (b) Menurut mangsa, semasa beliau berada di dalam kelas, tertuduh telah memanggil mangsa ke bilik makmal sains melalui seorang murid tahun empat yang mangsa lupa siapa. Mangsa telah pergi ke makmal tempat tertuduh berada dengan kawannya bernama xxx (SP3). Bila sampai di tempat tertuduh, B tertuduh telah mengarahkan SP3 balik ke kelasnya.

(c) Mangsa menanyakan tertuduh tujuan memanggil mangsa ke situ, tertuduh memberitahu mangsa supaya menulis nama pelajar-pelajar tahun empat, lima dan enam. Selepas pada itu C tertuduh telah memeluk mangsa dan mencium mulut mangsa. Mangsa telah menolak bahu tertuduh menyebabkan tertuduh terjatuh ke belakang, bingkai cermin mata tertuduh patah dan tertuduh cedera di tangan apabila terkena kaca ujikaji.

D (d) Mangsa selepas itu memberitahu tertuduh bahawa dia hendak balik ke kelas dan tertuduh pesan jangan diberitahu sesiapa termasuk kawan dan ibu bapa mangsa.

(e) SP3 semasa disoal balas oleh peguambela tertuduh menafikan yang beliau tidak menemani mangsa ke makmal sains semasa E kejadian mencabul oleh mangsa.

(f) Menurut mangsa, tertuduh pernah membuat onani di hadapan mangsa dan bila selesai dilihat ada cecair putih di atas lantai di dalam bilik makmal.

F (g) Kejadian ini diketahui oleh guru kelas apabila seorang lagi mangsa cabul iaitu SP3 xxx ada memberitahu cikgu bernama Tan Shwu Fang SP5 bahawa beliau dicabul oleh tertuduh dan memberitahu SP5 bahawa mangsa juga dicabul. Selepas itu SP5 telah menanyakan kepada mangsa tetapi mangsa pada G awalnya hanya ceritakan dia dicabul sahaja. SP5 pada keesokannya sekali lagi menanyakan mangsa dan mangsa menggigil dan menangis apabila memberitahu yang tertuduh ada melakukan hubungan seks ke atasnya.

H (h) Menurut SP5 beliau telah maklum kepada guru besar dan tertuduh dipanggil tetapi tertuduh tidak mengaku pada awalnya. Setelah itu dipanggil kedua-dua mangsa dan SP3 dan bila diberitahu akan dirujuk kepada polis jika tidak mengaku barulah tertuduh mengaku di hadapan SP5 dan guru besar.

I

(i) Selepas berbincang antara sesama guru PK1, PK2 dan SP5 mereka memutuskan memanggil ibu bapa datang dan memberitahu ibu bapa termasuk memberitahu ibu mangsa.

(j) Menurut mangsa beliau tidak nyatakan di dalam report polisnya yang beliau dirogol hanya dicabul sebab malu, tetapi hakikat sebenarnya dirogol juga. Malah SP5 juga menyatakan bahawa report polis yang dibuat oleh mangsa adalah berbeza dari apa yang diberitahu oleh mangsa kepada beliau.

Keterangan Sokongan Dari Laporan Pemeriksaan Ke Atas Mangsa

[5] SP6 adalah pegawai perubatan dari Hospital Raja Sultanah Zainab II (HRPZ II). Pemeriksaan ke atas bahagian kemaluan mangsa disahkan oleh SP6 terdapat koyakan lama pada posisi jam 3, 6, dan 9 dan SP6 menjelaskan koyakan lama ini boleh disebabkan zakar, jari atau jatuh atau penggunaan tampon. Koyakan tersebut adalah lama melebihi masa 72 jam.

[6] Puan HMS memutuskan pihak pendakwaan berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* untuk kedua-dua pertuduhan:

(a) Saya telah meneliti rekod rayuan di bahagian keputusan Puan HMS di akhir kes pendakwaan dan alasan penghakiman, saya mendapati Puan HMS telah membuat penelitian dan keputusan yang betul apabila memanggil tertuduh membela diri untuk kedua-dua pertuduhan.

(b) Puan HMS telah membuat penelitian yang maksima atas keseluruhan keterangan semasa kes pendakwaan. Puan HMS menjelaskan bahawa di akhir kes pendakwaan yang melibatkan mangsa di bawah umur 16 tahun pihak pendakwaan telah membuktikan melalui sijil kelahiran (P3) bahawa mangsa berumur 12 tahun tiga bulan semasa kejadian.

(c) Intipati kedua yang diputuskan oleh Puan HMS ialah 'Kemasukan', di mana Puan HMS telah membuat suatu penemuan fakta dari kelakuan 'demeanor' mangsa, diputuskan mangsa adalah saksi yang boleh dipercayai dan meyakinkan. Puan HMS yang mempunyai keistimewaan melihat saksi SP7 ini memberi keterangan menyatakan bahawa;

> Keterangan beliau (mangsa) adalah konsisten dan tidak berjaya digoyah oleh pemerikasaan balas bertubi-tubi. Di semua peringkat keterangannya beliau penuh berkeyakinan.

A

> Walaupun diasak dengan pelbagai soalan dan cadangan oleh pembelaan, beliau tetap konsisten dengan keterangannya. (ms. 4)

(d) Saya bersetuju dengan alasan penghakiman yang diberikan oleh Puan HMS bahawa peguambela tertuduh mempertikaikan mangsa lupa akan pakaian tertuduh semasa kejadian, Puan HMS telah membuat analisa yang betul, tepat dan selamat apabila menyatakan bahawa;

B

C

D

E

> Pada pandangan saya, adalah tidak material sama ada SP7 ingat atau tidak sama ada OKT ketika itu memakai seluar atau tidak. Ini kerana sebelum berlakunya kemasukan itu, SP7 telah menjelaskan bahawa beliau ada mendengar bunyi zip seluar OKT dibuka. Dengan deskripsi SP7 mengenai saat dan ketika berlakunya kemasukan itu iaitu ketika kedua-dua kakinya terkangkang kerana diangkatkan keatas meja dan posisi OKT di bahagian kakinya dengan zip seluar yang terbuka maka agakan SP7 bahawa benda keras yang masuk ke dalam kemaluannya itu adalah kemaluan OKT adalah amat berasas. SP7 juga dengan tegas menafikan bahawa beliau hanya membayangkan sahaja akan kemasukan itu. (ms. 5)

(e) Puan HMS telah memberi ingatan akan bergantungan kepada hanya keterangan mangsa semata-mata. Namun saya berpendapat keterangan pegawai perubatan akan koyakan selaput dara mangsa adalah juga merupakan sokongan kepada apa yang dinyatakan oleh mangsa bahawa beliau bukan sahaja berseorangan dalam keterangannya malah disokong oleh keterangan saintifik yang gagal dinafikan bahawa telah berlaku kemasukan objek tumpul yang bersamaan dengan kemaluan lelaki yang membolehkan terjadi koyakan sedemikian. Di dalam kes tersohor iaitu *Sidek Ludan v. PP* [1995] 1 LNS 219 diputuskan oleh Hakim Abdul Malik Ishak bahawa;

F

G

H

> In my judgment, the evidence of the victim sufficiently corroborated by the two doctors who examine the victim and the appellant respectively. In a case of this nature, medical evidence adduced by the prosecution is sufficiently to corroborate the evidence of the victim; see Ratanlal and Dhirajlal, *The Law of Crimes*, 22nd Edn. p. 965.

I

(f) Jelas dari penghakiman ini membuktikan keterangan mangsa adalah selari dengan laporan perubatan bahawa terdapat kemasukan kemaluan tertuduh pada hari yang dikatakan oleh mangsa yang beliau merasakan kemaluan tertuduh yang masuk ke dalam kemaluannya. Kedudukan kaki mangsa dan kedudukan tertuduh pada masa itu memberi gambaran yang tepat lagi.

(g) Satu perkara lagi ialah dalam kedudukan mangsa yang tidur di atas meja semasa kemasukan berlaku ternyata bahawa mustahil untuk dapat melihat zakar tertuduh masuk. Ini adalah secara semula jadi kemaluan wanita berada lebih rendah dari bahagian perut oleh itu dengan kedudukan tidur tanpa bantuan cermin mustahil dapat dilihat kemasukan. Dengan kata lain gagal melihat kemasukan yang diceritakan oleh mangsa itu bukannya membawa maksud tidak berlaku kemasukan tersebut. Puan HMS telah mengemukakan kes *Mohd Darwish Saleh v. PP* [2010] 1 LNS 127.

(h) Mangsa menceritakan beliau merasa sakit dan terdapat kesan darah pada seluar dalam yang dipakai selepas kejadian. Ini menguatkan lagi akan keterangan oleh mangsa bahawa berlaku kemasukan kemaluan tertuduh menyebabkan berdarah dan koyakan pada selaput dara mangsa.

(i) Kegagalan mangsa menceritakan kejadian rogol di dalam report polisnya (P4), adalah jelas dijelaskan oleh Puan HMS dalam alasan penghakimannya melalui apa yang dijelaskan oleh mangsa. Saya berpuas hati bahawa alasan malu oleh mangsa untuk menceritakan kejadian rogol di dalam laporan polisnya dijelaskan oleh Puan HMS sebagai berikut;

> Saya juga berpendapat bahawa SP7 telah menjelaskan dengan memuaskan mengapa laporan polisnya iaitu P4 tidak menyatakan mengenai kejadian rogol. Penjelasan beliau bahawa pada awalnya beliau merasa malu untuk menceritakan mengenai rogol kepada polis adalah munasabah. Ini kerana jelas dari keseluruhan keterangan bahawa pada ketika itu, SP7 amat berat untuk menceritakan mengenai kejadian rogol ini bukan hanya kepada anggota polis ketika membuat laporan bahkan kepada guru yang rapat dengannya iaitu SP5. Hanya 3 hingga 4 kali ditanya oleh SP5 baru beliau mengakui akan kejadian rogol ini.

(j) Saya berpuas hati bahawa Puan HMS telah membuat keputusan yang betul dan selamat semasa memanggil tertuduh membela diri ke atas pertuduhan pertama ini.

Pertuduhan Kedua - Di Akhir Kes Pendakwaan

[7] Puan HMS adalah betul dan tepat apabila memanggil tertuduh membela diri ke atas tuduhan kedua juga bersama-sama dengan pertuduhan pertama. Kejadian mencabul ini telah diceritakan oleh mangsa SP7 dengan mana sebelum berjumpa dengan tertuduh mangsa telah ditemani oleh rakan sekelasnya juga SP3 ke makmal sains berjumpa dengan tertuduh.

[8] Menurut Puan HMS kejadian mencabul ini, dilakukan oleh tertuduh tanpa kerelaan oleh mangsa. Ini dapat dilihat di dalam alasan beliau di ms. 7:

> Namun, saya berpandangan terdapat keterangan yang jelas dan terus daripada SP7 sendiri bahawa kejadian cabul ini berlaku tanpa kerelaan. Ini jelas dengan tindakan balas SP7 yang menolak OKT sehingga terjatuh apabila OKT memeluk dan menciumnya.

[9] Puan HMS telah mengambil kira keterangan bagaimana cermin mata tertuduh telah patah bila ditolak oleh mangsa semasa tertuduh memeluk dan mencium mulutnya dan tangan mangsa tercedera apabila berundur dan terkena peralatan ujikaji. Tertuduh telah berpesan kepada mangsa agar tidak menceritakan kepada sesiapa.

[10] Penemuan fakta dan keterangan yang diulaskan oleh Puan HMS ini adalah merupakan semua keterangan yang penting yang membentuk secara maksima penelitian beliau sebelum memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* untuk pertuduhan kedua.

[11] Puan HMS gagal menerima masuk keterangan SP3 bahawa tertuduh pernah mencabul SP3 dengan menggigit lidah SP3 hingga tercedera. Keterangan ini sebenarnya tidak memprejudiskan kes terhadap tertuduh jika pun dibawa masuk tetapi ianya untuk membuktikan terdapatnya keterangan fakta yang serupa (similar facts evidence) di bawah ss. 14 dan 15 Akta Keterangan 1950 sepertimana diputuskan di dalam kes *Makin v. AG for New South Wales* [1894] AC 57. Manakala penerimaan masuk keterangan fakta

yang serupa ini dijelaskan oleh kes tempatan Malaysia antaranya di dalam kes *Azahan Mohd Aminallah v. PP* [2005] 1 CLJ 374; [2005] 5 MLJ 334 di mana Hakim Mahkamah Rayuan, Gopal Sri Ram menyatakan bahawa;

> A court when deciding whether to admit similar fact evidence must carry out a balancing exercise by weighing the probative value of such evidence against its prejudicial effect as impliedly required by ss. 14 and 15 of the Evidence Act 1950. The court would be justified in admitting the evidence where its probative value is outweighed by its prejudicial effect. See *Boardman v. Director of Public Prosecutions* [1975] 3 AC 421; *Director of Public Prosecutions v. P* [1991] 2 AC 447; *Junaidi bin Abdullah v. Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 217; *Public Prosecutor v. Teo Ai Nee* [1995] 2 SLR 69; *Tan Meng Jee v. Public Prosecutor* [1996] 2 SLR 422; *Lee Kwang Peng v. Public Prosecutor* [1997] 3 SR 278.
>
> In *Tan Meng Jee v. Public Prosecutor* Yong Pung How CJ when delivering the judgment of the Singapore Court of Appeal said of the equipollent provisions in the Singapore Evidence Act:
>
> > Be that as it may, we are of the opinion that the admission of similar fact evidence, at least for the purposes identified in ss. 14 and 15 of the Evidence Act, should be governed by the balancing test adopted by the House of Lords in Boardman's case. Such an approach is warranted both in principle as well as on the wording of the legislation itself. As to the former, it has been argued above that the rationale of the rule excluding similar fact evidence is so that every person charged with an offence may only be convicted upon being proved to have committed the acts within the charge. It would be subverting established jurisprudence to allow a conviction based on the particular disposition of the accused - based on the contention that the accused is that type of person who would commit such an offence. On the other hand, there may be cases where the interest of justice clearly outweigh any prejudicial dangers inherent in the evidence.

[12] Hanya dari keterangan SP5 guru mereka diketahui akan mula-mula sekali bagaimana diketahui tertuduh bukan sahaja mencabul mangsa malah murid-murid lain. Keterangan fakta yang serupa ini boleh diterima masuk untuk menunjukkan bahawa bukan secara ganjil tertuduh boleh dituduh mencabul oleh kerana beliau dalam masa yang sama sebelum kejadian ke atas mangsa

terbongkar tertuduh telah diketahui pernah mencabul murid-murid lain. Ujian yang diguna pakai di dalam kes *Boardman v. Director of Public Prosecution*s [1975] 3 AC 421 dan kes *Makin v. AG for New South Wales (supra)* adalah jelas boleh diguna pakai prinsip fakta keterangan yang serupa ini.

[13] Berikutan cerita beberapa orang murid lain dan SP3 pada 29 September 2009, maka diberitahu oleh rakan mangsa melihat mangsa menangis semasa keluar dari makmal sains selepas berjumpa dengan tertuduh. Bila SP5 bertanyakan kepada mangsa beliau baru menceritakannya hanya setakat dicabul selepas itu SP5 tidak berpuas hati dan esoknya bertanya lagi barulah diberitahu oleh mangsa beliau dirogol juga oleh tertuduh.

[14] Saya berpuas hati bahawa Puan HMS telah memutuskan secara tepat dan betul apabila memanggil tertuduh membela diri untuk tuduhan kedua juga.

Pembelaan Tertuduh

[15] Puan HMS telah membuat satu analisa keseluruhan di akhir kes pembelaan secara tepat dan betul bahawa penelitian dari pembelaan tertuduh. Bahawa tertuduh menafikan sentiasa berada di bilik makmal sekolah tersebut, malah mengikut pembelaan tertuduh pada tahun 2009 beliau hanya menggunakan bilik makmal hanya sekali sahaja iaitu pada bulan Januari.

[16] Semasa disoal balas tertuduh mengakui bahawa kunci makmal disangkut sahaja di bilik guru dan beliau boleh mengambilnya jika perlu. Oleh itu untuk tertuduh menggunakan bilik makmal adalah bukan sesuatu yang asing memandangkan tertuduh adalah guru sains mengajar di tahun enam pada tahun 2009. Tertuduh tidak pula bertanyakan kepada SP5 atau mangsa atau rakan mangsa SP3 bahawa beliau tidak pernah memanggil mangsa ke makmal sains pada bulan Ogos 2009. Semasa pemeriksaan balas terhadap SP3 beliau mencadangkan bahawa SP3 tidak pernah menemani mangsa ke makmal sains berjumpa dengan tertuduh.

[17] Tidak ditanya semasa disoal balas SP5 bahawa motif guru SP5 bertanyakan kejadian sebenar kepada mangsa dikatakan oleh tertuduh bahawa SP5 pernah menulis kad cinta kepada tertuduh tetapi ditolak oleh tertuduh oleh itu sebab sakit hati maka SP5 beria-ia menyoal siasat supaya mangsa membuat laporan polis.

[18] Tertuduh dalam soal balas terhadap SP3 dan SP5 agak terkawal sebab takut terkeluar cerita pencabulan tertuduh ke atas SP3 dan perbincangan dengan ibu bapa dan guru termasuk SP5 untuk memaafkan SP5. Namun keterangan SP5 ini boleh dipercayai bahawa beliau sendiri tidak mengetahui mangsa membuat report polis sebab beliau tidak cadangkan. Oleh itu di dalam pembelaan tertuduh bahawa SP5 adalah satu-satu pihak yang merekakan cerita rogol atas alasan sakit hati cintanya tidak terbalas oleh tertuduh adalah satu pembelaan utama namun malangnya tidak ditanya SP5 semasa beliau memberi keterangan.

[19] Isu cermin mata pada mulanya tertuduh menyatakan hanya pada tahun 2010 sahaja beliau mula memakai cermin mata dan selepas itu diakui pula pernah memakai cermin mata selama dua tahun itu memakai kanta sentuh (contact lens). Namun gagal dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan.

[20] Begitu juga dengan telefon bimbit dikatakan yang beliau menggunakan handphone tanpa boleh muat turun gambar atau video tetapi gagal diserahkan kepada pegawai penyiasat. Begitu juga gagal cadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan.

Keputusan Puan Hakim Adalah Selamat Dikekalkan

[21] Keputusan mensabitkan tertuduh bersalah ke atas kedua-dua pertuduhan yang dibuat oleh Puan HMS adalah selamat dikekalkan. Puan Hakim secara betul dan tepat telah meneliti pembelaan tertuduh dan memutuskan bahawa gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan.

[22] Puan HMS berada di landasan yang betul apabila menggunakan beban yang perlu dipikul oleh tertuduh ialah hanya menimbulkan was-was atau sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Puan HMS telah mengulas pembelaan tertuduh satu persatu dan juga telah memberi sebabnya satu persatu dan membuat konklusi yang tepat bahawa ianya hanya penafian semata-mata.

[23] Mahkamah Sesyen yang mendengar keterangan saksi-saksi terutamanya mangsa dapat menilai keterangan mangsa tersebut sama ada mereka-reka cerita. Begitu juga saksi pendakwaan terutamanya SP3, SP4 dan SP5. Ternyata apa yang diamati oleh

A Puan HMS jika dibandingkan dengan nota keterangan yang dibaca oleh Mahkamah Tinggi ini adalah satu keputusan dan alasan yang berasas dan pada penemuan yang betul. Malah walaupun Puan HMS boleh menerima masuk keterangan fakta yang serupa 'similar facts evidence' namun Puan HMS lebih berhati-hati tidak B memasukkannya lantas tiada keterangan akan terbongkarnya perbuatan tertuduh ini bukan sebabkan mangsa. Mangsa adalah dilihat cuba menutup perbuatan tertuduh ke atas dirinya. Hingga pada masa membuat laporan polis hanya setakat cabul sahaja dan setelah siasatan dan laporan pemeriksaan perubatan (P4) barulah C diketahui memang benar beliau dirogol.

[24] Apa yang Puan HMS telah membuat komen akan demeanor mangsa sebagai seorang yang bercakap benar bukannya mereka-rekakan cerita adalah jelas menunjukkan bahawa mangsa bukannya D 'whistle-blower' tetapi rakannya SP3 yang menceritakan terdahulu tingkah laku tertuduh ke atas dirinya yang digigit lidah oleh tertuduh. Mangsa adalah hanya cerita berbingkai setelah pecahnya cerita murid-murid lain dan dari situ diberitahu oleh murid lain bahawa mangsa dilihat menangis ketika keluar dari bilik makmal E selepas masuk berjumpa dengan tertuduh.

[25] Keterangan kes-kes rogol oleh guru ke atas murid yang hanya berumur 12 hingga 13 tahun seperti mangsa ini tidak boleh disamakan dengan kejadian rogol secara kekerasan atas umur melebihi 16 tahun. Sebab itulah undang-undang telah menetapkan F kerelaan bukan suatu yang material untuk kejadian rogol di bawah umur 16 tahun memandangkan kanak-kanak terutamanya senang ditipu daya dengan kasih sayang secara bernafsu oleh guru terhadap anak muridnya.

G **[26]** Peranan guru melaporkan kejadian seksual sama di rumah atau di sekolah patut dipuji. Di mana kebanyakan kes rogol terbongkar atas peranan guru yang dapat menghidu terdapat perkara yang tidak kena kepada muridnya kerana guru melihat dan meneliti setiap muridnya lebih lama dari ibu bapa kadang-kadang. H Guru juga menerima maklumat dari rakan-rakan mangsa dan guru lebih cerdik dan arif lagi berani ke hadapan jika dibandingkan dengan keluarga mangsa atau jiran-jiran masyarakat sekeliling. Oleh itu penanan yang dimainkan oleh saksi terdiri dari guru ini adalah merupakan saksi bebas yang tidak mempunyai kepentingan selain I daripada menjaga kebajikan anak muridnya.

[27] Cubaan tertuduh memburuk-burukkan nama SP5 sebagai emosi yang tidak stabil dan gila bayang ke atas tertuduh adalah sepatutnya ditanya soalan ini kepada saksi berkenaan bukannya dikemukakan semasa pembelaan. Di dalam kes *Nor Alip Mohd Khandar v. PP* [2012] 5 CLJ 669; [2013] 3 MLJ 395, Mahkamah Rayuan memutuskan sebagai berikut akan soalan yang gagal ditanya kepada saksi yang berkaitan tetapi ditimbulkan sebagai isu di dalam kes tersebut:

> This was not put to SP5 when he was testifying. This matter was only raised during the question and answer of the investigating officer, SP6. In fact the matters on dispute as to the credibility of witness must be raised during the witness examination as provided under s. 146 and s. 132 of the Evidence Act 1950 (see para 6(b)).

[28] Seksyen 146 dan 132 Akta Keterangan 1950 tersebut adalah seperti berikut:

> 146. Questions lawful in cross-examination
>
> When a witness may be cross-examined he may, in addition to the questions hereinbefore referred to, be asked any questions which tend -
>
> (a) to test his accuracy, veracity or credibility;
>
> (b) to discover who he is and what is his position in life; or
>
> (c) to shake his credit by injuring his character, although the answer to such questions might tend directly or indirectly to criminate him, or might expose or tend directly or indirectly to expose him to a penalty or forfeiture.
>
> 132. Witness not excused from answering on ground that answer will criminate
>
> (1) A witness shall not be excused from answering any question as to any matter relevant to the matter in issue in any suit, or in any civil or criminal proceeding, upon the ground that the answer to that question will criminate or may tend directly or indirectly to criminate, him, or that it will expose, or tend directly or indirectly to expose, the witness to a penalty or forfeiture of any kind, or that it will establish or tend to establish that he owes a debt or is otherwise subject to a civil suit at the instance of the Government of Malaysia or of any State or of any other person.

A (2) No answer which a witness shall be compelled by the court to give shall subject him to any arrest or prosecution, or be proved against him in any criminal proceeding, except a prosecution for giving false evidence by that answer.

B (3) Before compelling a witness to answer a question the answer to which will criminate or may tend directly or indirectly to criminate him the court shall explain to the witness the purport of subsection (2).

C **Hukuman (Rayuan Dan Rayuan Balas Oleh Tertuduh Dan Pendakwaan)**

[29] Meneliti hukuman yang dijatuhkan iaitu tuduhan pertama penjara sembilan tahun dan lima sebatan dan tuduhan kedua penjara tiga tahun dan dua kali sebatan jika dibandingkan dengan hukuman maksima ianya untuk s. 376(2) KK minima lima tahun
D dan maksima 30 tahun dan hukuman untuk s. 354 KK pula maksima sepuluh tahun dengan sebat atau denda, ternyata hukuman ke atas tertuduh tidak terlampau berat dengan itu hukuman oleh Puan HMS adalah dikekalkan untuk kedua-dua pertuduhan.

E

[30] Perlu diambil kira bahawa tertuduh sebagai guru telah salah gunakan kedudukan dan pengaruh sebagai orang yang dihormati dan takuti oleh anak murid dan kepercayaan serta diamanahkan oleh ibu bapa.

F

[31] Undang-undang melindungi perempuan berumur bawah 16 tahun dari diambil kesempatan melakukan persetubuhan ke atas mereka atas alasan mereka ini adalah pada umur yang kurang matang dan senang ditipu daya. Apa yang dilakukan oleh tertuduh
G ini adalah lebih serius daripada seorang teman lelaki merogol teman wanita di bawah umur. Tertuduh mengetahui akan peranannya sebagai pendidik kerana setiap pendidik telah mengangkat ikrar untuk menjadi pendidik yang bertanggungjawab dan berdisiplin kepada kerjaya mereka yang dihormati masyarakat.

H

[32] Oleh itu setiap hukuman hendaklah berbentuk memberi pengajaran dan mendatangkan rasa takut dan gerun serta serik kepada tertuduh dan kepada masyarakat. Hukuman yang sekadar gigitan semut (*pinprick*) akan mengakibatkan masyarakat
I menganggap kesalahan rogol sebagai tidak serius dan sudah tentu akan lebih parah lagi terutamanya kesalahan rogol oleh guru terhadap murid semakin kerap berlaku. Di dalam kes *Regina v. W*

N Hammar [1957] 1 LNS 77; [1958] MLJ 4 HC, it was held that "punishment which amounts to a pinprick does not deter." Oleh itu salah satu cara untuk mengurangkan jenayah adalah melahirkan perasaan takut melalui hukuman yang berat.

[33] Saya menolak rayuan balas oleh pihak pendakwaan ke atas hukuman memandangkan hukuman di atas bukannya terlalu ringan dengan diambil kira tertuduh akan kehilangan kerja dan berada di penjara dengan tujuh sebatan rotan. Saya percaya ianya akan memberi kesan yang besar ke atas tertuduh untuk selama-lamanya.